



MMEA
AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN TAHUNAN | 2012

MENGAWAL | MELINDUNG | MENYELAMAT
KAMI SERIUS MELAKSANAKANNYA



MAKLUMAT KORPORAT

Pengurusan Tertinggi	6
Carta Organisasi	8
Kronologi	10
Visi, Misi	11

KEAMANAN DAN KESELAMATAN

Jenayah Maritim	14
Penyeludupan	18
Carilamat dan Bantuan Bencana	25

KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

Kesiagaan Aset Operasi	30
Aset Alih	36
Aset Maya	36

PENGURUSAN KAPASITI

Pengurusan Kapasiti	38
Pembangunan Modal Insan	38
Pembangunan Infostruktur	41
Pengurusan Kewangan	43
Pengurusan Pelanggan & Komunikasi	45
Publisiti dan Promosi	45
Pengurusan Aduan Awam	46
Kursus dan Latihan	48

JARINGAN KERJASAMA	52
--------------------	----

HALA TUJU	60
-----------	----

IMBASAN 2012	62
--------------	----

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Yang Berusaha Encik Samsuni bin Mohd Nor

KETUA PENGARANG

Puan Faridah binti Shuib

PENGARANG

BAHAGIAN KEAMANAN DAN KESELAMATAN

Kdr (M) Nurul Hizam bin Zakaria
Lt Kdr (M) Effendy bin Mohammed Fadil
Lt (M) Mohd Firdaus bin Mohd Anuar
Lt Kdr (M) Hamiluddin bin Che Awang
Lt (M) Muhammad Irawi bin Muhammad Yunus

BAHAGIAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

Kdr (M) Md Fauzi bin Othman

Encik Mohd Syahar bin Azizan

Lt Maritim Suhaili binti Deraman

BAHAGIAN PENGURUSAN KAPASITI

Encik Rizal Zaidi bin Mat Rawi


Encik Ahmad Hamidi bin Mohammad

BAHAGIAN JARINGAN KERJASAMA

Lt Kdr (M) Fadzliana binti Fadzil

PENTADBIRAN DAN ARKIB

LK Maritim Ismail bin Yakop



Perutusan Ketua Pengarah



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmatNYA, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berjaya menyempurnakan tanggungjawab 2012 sebagaimana yang telah direncanakan. Selepas 7 tahun menggalas amanah kerajaan dan rakyat, pencapaian Maritim Malaysia di dalam industri penguatkuasaan maritim berada di tahap yang baik di samping berupaya mencungkil potensi di dalam beberapa bidang untuk terus maju dan berdaya saing.

Kemampuan untuk terus berkembang dalam arus cabaran global dan domestik sentiasa menjadi sasaran utama Maritim Malaysia dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada *stake holders* dan para pelanggan. Indeks pematuhan undang-undang yang semakin meningkat di kalangan pelanggan memberi petunjuk jelas bahawa strategi operasi dan sistem penguatkuasaan Maritim Malaysia yang telah dan sedang diamalkan adalah berkesan. Umumnya, pelbagai jenayah, pelanggaran undang-undang oleh rakyat asing dan tempatan, kejadian rompakan dan pelanunan di kawasan perairan negara telah menurun dengan mendadak. Situasi itu juga dipengaruhi oleh kepantasan siasatan, pendakwaan dan kemenangan kes berprofil tinggi yang turut memberi impak besar kepada usaha mencegah perlakuan jenayah di masa hadapan.

Indeks pengurangan kehilangan nyawa dan harta benda yang telah bertambah baik pula menterjemahkan penerajuan Carilamat yang pantas banyak dipengaruhi oleh sistem komunikasi yang efisien dan kemahiran anggota-anggota penyelamat. Ternyata pelaburan kerajaan menyatukan Maritim Malaysia di dalam MERS 999, inisiatif menerajui latihan SAREX bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan dan pelaksanaan program khidmat komuniti secara konsisiten telah memberi nilai tambah yang amat penting kepada kepantasan bertindak yang mengukuhkan lagi indeks tersebut. Sungguhpun demikian masih terdapat ruang-ruang yang perlu diberi perhatian dan pengukuhan untuk meletakkan keamanan dan kesejahteraan Zon Maritim Malaysia di tahap yang menyakinkan. Ianya ditambah lagi dengan cabaran-cabaran semasa yang berpunca daripada pelbagai faktor, seperti iklim politik antarabangsa yang tidak menentu, suasana ekonomi global yang turun naik serta tahap integriti yang rendah. Justeru, Maritim Malaysia telah merangka hala tuju 2013 yang lebih komprehensif sejajar dengan peranannya sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim di negara ini. Tahun 2013 juga akan turut memperlihatkan jalinan kerjasama Maritim Malaysia dengan agensi-agensi kerajaan dalam dan luar negara akan terus diterokai dan dipereratkan sebagaimana aspirasi kerajaan menerusi NBOS.

Akhir kata, saya menggesa seluruh warga Maritim Malaysia untuk meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dan sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan ikhlas dan dedikasi yang berteraskan budaya maritim serta nilai-nilai individu dan organisasi.

Terima kasih.



DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH
LAKSAMANA MARITIM



MAKLUMAT KORPORAT





Pengurusan Tertinggi

KETUA PENGARAH
YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MARITIM
DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH





TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' AHMAD PUZY BIN AB KAHAR

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)
ENCIK SAMSUNI BIN MOHD NOR



TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOGISTIK)
LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN LENGGANG



Carta Organisasi

**KETUA PENGARAH
UTAMA A (TERBUKA)
LAKSAMANA MARITIM
DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM UTAMA B
LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' AHMAD PUZI BIN AB KAHAR**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOGISTIK)
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM UTAMA C
LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN LENGANG**

**STESEN UDARA SUBANG
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
NORHAIZAD BIN ISMAIL**

**SWASLA LUMUT
KEPTEN MARITIM X24
KOMANDAR MARITIM
ZIN AZMAN BIN MD YUNUS**

**SWASLA SABAH
KEPTEN MARITIM X24
KOMANDAR MARITIM
MOHD ZAWAWI BIN ABDULLAH**

**CAWANGAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' PAHLAWAN MOHD RAHSID BIN HARUN**

**CAWANGAN SIASATAN JENAYAH
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ZULKIFLI BIN ABU BAKAR**

**CAWANGAN PERISIKAN
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATUK ZAINAL ABIDIN BIN IBRAHIM**

**CAWANGAN PENGUATKUASAAN & EKSESAIS
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X 26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' CHE HASAN BIN JUSOH**

**CAWANGAN OPERASI UDARA
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X 26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ZAMMANI BIN MOD AMIN**

**CAWANGAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA
KEPTEN MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MUHAMMAD ABDUL BASAR BIN TAJI**

**CAWANGAN C3I
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
HAMID BIN HAJI MOHD AMIN**

**CAWANGAN BANTUAN PERTAHANAN
KOMANDAR MARITIM X22
LEFTENAN KOMANDAR MARITIM
SALEHUDDIN BIN ZAKARIA**

**CAWANGAN KEJURUTERAAN
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
OSMAN BIN MOHAMMAD**

**CAWANGAN BEKALAN
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ZAININ BIN ABDUL MAJID**

**CAWANGAN BANGUNAN & ASET
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
SAIFUL LIZAN BIN IBRAHIM**

**CAWANGAN PENGURUSAN PROJEK
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH**

**CAWANGAN ANGKUT
KEPTEN MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
IR ABANG JAMARI BIN SALIM**

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



Visi

“Menjadi antara agensi penguatkuasaan maritim yang terbaik di dunia”

Misi

“Menguatkuasakan undang-undang serta menyelamatkan nyawa dan harta benda di laut bagi memastikan kesejahteraan perairan negara”

Kronologi Penubuhan APMM

Tarikh	Perkara
21 April 1999	Kajian bagi mewujudkan sebuah agensi <i>Coast Guard</i> di Malaysia.
21 Ogos 2002	Kabinet telah meluluskan penubuhan APMM.
16 April 2003	Tim Nukleus ditubuhkan dan ditugaskan untuk menjalankan segala usaha yang perlu bagi mewujudkan APMM.
15 Februari 2005	Akta APMM (Akta 633) dikuatkuasakan.
10 Oktober 2005	Y.A.B. Dato Sri' Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan majlis memperkenalkan APMM.
30 Oktober 2005	APMM memulakan operasi di Zon Maritim Malaysia.
21 Mac 2006	APMM telah dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



Matlamat Strategik

- Menentukan Zon Maritim Malaysia aman dan terkawal;
- Menguatkuasakan undang-undang maritim dengan berkesan;
- Mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda di laut;
- Meneraju dalam hal ehwal penguatkuasaan maritim; dan
- Menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada agensi penguatkuasaan maritim luar negara.

Fungsi dan Tanggungjawab

1. Menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia;
2. Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas;
3. Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia;
4. Memberikan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan bersama dalam perkara Jenayah 2002 (Akta 621);
5. Menjalankan pengawasan udara dan pantai;
6. Menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi;
7. Melaksanakan apa-apa kewajipan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan maritim atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya;
8. Di lautan lepas;
 - Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim;
 - Mengawal dan mencegah pencemaran maritim di lautan lepas;
 - Mencegah dan menyekat pelanunan serta mencegah dan menyekat pengedaran haram dadah narkotik;
9. Semasa darurat krisis khas atau perang, agensi ini atau mana-mana bahagian agensi diletakkan di bawah kawalan perintah am Angkatan Tentera Malaysia

Moto

"Mengawal, Melindung dan Menyelamat"







KEAMANAN & KESELAMATAN




KEAMANAN & KESELAMATAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber asli dan menjadikannya antara negara yang mempunyai geografi strategik di abad ini. Justeru, persekitaran yang strategik mendorong jenayah maritim berlaku sekaligus menyebabkan ancaman dalam apa jua bentuk boleh menjejaskan kredibiliti, keselamatan dan kedaulatan negara seterusnya kestabilan serantau di Zon Maritim Malaysia.

JENAYAH MARITIM


Pengwujudan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sekaligus telah berjaya menurunkan kira-kira 45 peratus kadar jenayah di perairan negara dalam tempoh lapan tahun penubuhannya. Selepas tahun pertama beroperasi, kadar jenayah maritim pada 2006 adalah sebanyak 48.06 peratus dan menurun setiap tahun hingga ke paras hanya tiga peratus. Peratus penurunan jenayah maritim ini seperti **Carta 1** disebabkan peningkatan penguatkuasaan melalui rondaan, pemeriksaan dan tangkapan yang telah dilaksanakan secara sistematik dan berkesan di seluruh perairan Negara.



CARTA 1 : Peratus Penurunan Kadar Jenayah Maritim 2006 hingga 2012


Statistik pemeriksaan bagi tahun 2012 terus meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu berjumlah 26792 pemeriksaan bagi kesemua wilayah maritim. Peningkatan jumlah pemeriksaan ini berjaya menyumbang kepada pengurangan kes pelanggaran undang-undang dan perlakuan jenayah maritim seterusnya menjamin keselamatan Zon Maritim Malaysia.

Jumlah pemeriksaan yang meningkat telah berjaya menurunkan statistik tangkapan terhadap pelbagai jenis kesalahan. Pada tahun 2012, APMM mencatat jumlah kes tangkapan sebanyak 813 kes berbanding 898 kes pada tahun 2011 dan 1336 kes pada tahun 2010. **Carta 2** di bawah menunjukkan statistik pemeriksaan dan tangkapan bagi tahun 2012.




CARTA 2 : Statistik Pemeriksaan dan Tangkapan 2006 hingga 2012

PENAHANAN MENGIKUT AKTA - Jenis-jenis kesalahan yang ditangkap oleh APMM adalah seperti di **Carta 3** di bawah. Melalui statistik yang dipamerkan, kes melibatkan Akta Perikanan 1985 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 500 kes. Kes-kas ini dikenakan kompaun kepada pemilik vesel atau tindakan mahkamah ke atas Bot Nelayan Tempatan dan Asing. Kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu 110 kes.




CARTA 3 : Statistik Mengikut Akta

PENCEROBOHAN BOT NELAYAN ASING – Sepanjang tahun 2012, sebanyak 446 buah Bot Nelayan Asing (BNA) ditangkap kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di Zon Maritim Malaysia. Semua kes tangkapan BNA telah dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. **Rajah 1** menunjukkan jumlah dan pecahan mengikut negara asal BNA.



RAJAH 1 : Statistik Tangkapan Bot Nelayan Asing 2012 Mengikut Negara

STATISTIK ROMPAKAN DI ZON MARITIM MALAYSIA - Rompakan di laut merupakan fokus utama bagi APMM dalam senarai ancaman terhadap keselamatan dan kesejahteraan Zon Maritim Malaysia. Kejadian rompakan di laut paling kerap berlaku di perairan Selatan Johor (Tg. Piai, Tg. Pengerang, Selatan Tg. Ayam). Rompakan dilakukan ke atas kapal-kapal yang bersaiz di perairan Tg. Piai dan Pengerang, Johor. Bagi menangani ancaman ini, APMM Wilayah Selatan mengambil tindakan pencegahan dengan meningkatkan pengawasan melalui operasi khusus membanteras rompakan di Perairan Johor Barat dan Timur. Perairan Miri di Sarawak dan Selat Melaka Utara masing-masing mencatat dua kes rompakan bagi tahun 2012. Namun keadaan adalah terkawal dengan kehadiran aset APMM yang membuat rondaan di perairan tersebut.



CARTA 4 : Statistik Rompakan di Zon Maritim Malaysia

KEMASUKAN PENDATANG TANPA IZIN

Pendatang Rohingya kebanyakannya adalah satu kumpulan etnik beragama Islam di Utara Negeri Rakhine yang terletak di Barat Burma. Pada tahun 2012, kemasukan Rohingya ini secara beramai-ramai berlaku pada penghujung tahun. Statistik kemasukan adalah seperti di **Jadual 1**:

WILAYAH	TARIKH	JUMLAH
WILSEL	18 Dis	40 orang
WILSEL	22 Dis	9 orang
WILUTA	24 Dis	128 orang
WILUTA	30 Dis	475 orang

JADUAL 1 : Statistik Rompakan di Zon Maritim Malaysia



Aset APMM ditugaskan untuk menyelamatkan Rohingya



Kemasukan 128 Rohingya pada 24 Disember 2012



Kemasukan 474 Rohingya pada 30 Disember 2012

PENYELUDUPAN

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 80 kes penyeludupan am telah berjaya ditangkap. Penyeludupan diesel merupakan jumlah kes tertinggi iaitu 19 kes dan petrol bersubsidi merupakan jumlah kes kedua tertinggi iaitu 17 kes diikuti dengan penyeludupan barang kawalan. Kes ini banyak berlaku di sempadan perairan negara iaitu di sempadan Malaysia-Thailand dan sempadan perairan Malaysia-Sabah.



Tangkapan penyeludupan rokok



Tangkapan penyeludupan daging



Tangkapan menyeludup keluar 200,000 liter minyak diesel dianggarkan bernilai RM 360 ribu di perairan Tanjung Setapa

PENYELUDUPAN ROKOK



Tangkapan penyeludupan rokok oleh DM 6 Pangkalan Maritim Batu Pahat di Muara Sg Koris sebanyak 3,338 karton pada 22 Februari 2012



Tangkapan penyeludupan rokok oleh DM 5 Kuala Linggi di perairan Tg Sepat, Selangor sebanyak 3,000 karton pada 8 Oktober 2012



Tangkapan penyeludupan rokok oleh DM 4 Klang di perairan Tanjung Sepat, Selangor sebanyak 75 guni pada 8 Oktober 2012



Tangkapan penyeludupan rokok oleh DM 5 Kuala Linggi di perairan Tg Rhu, Selangor sebanyak 4,250 karton pada 22 Oktober 2012

ARAK



Tangkapan penyeludupan arak oleh DM 15 Kota Kinabalu di Lapang Sasar Polis, Sipitang, Sabah sebanyak 670 kotak pada 19 Mac 2012

ARAK



Tangkapan penyeludupan arak oleh DM 14 Labuan di perairan Bukit Sari, Lawas, Sarawak pelbagai jenis pada 1 November 2012

MINYAK DIESEL BERSUBSIDI



Tangkapan penyeludupan minyak diesel bersubsidi oleh pangkalan Maritim Kuala Perlis di perairan Kuala Perlis sebanyak 7,000 liter pada 20 Julai 2012



Tangkapan penyeludupan minyak diesel bersubsidi oleh pangkalan Maritim Kuala Perlis di Jeti LKIM Kuala Kedah sebanyak 330,000 liter pada 21 September 2012



Tangkapan penyeludupan minyak diesel bersubsidi oleh pangkalan Maritim Kuala Perlis di perairan Kuala Perlis sebanyak 7,500 liter pada 6 November 2012.

MINYAK DIESEL BERSUBSIDI



Tangkapan penyeludupan minyak diesel bersubsidi oleh pangkalan Maritim Kuala Perlis di perairan Kuala Perlis sebanyak 8,300 liter pada 20 Disember 2012

PATI DAN MIGRAN



Tangkapan 15 orang Migran Afghanistan oleh DM 5 Kuala Linggi di perairan Kuala Sepang Besar, Negeri Sembilan pada 10 Januari 2012



Tangkapan 26 orang PATI dari Indonesia menuju ke Semporna di perairan Pulau Sisipan, Tawau, Sabah 2 Jun 2012

BARANG KAWALAN



Tangkapan penyeludupan keluar barang kawalan minyak masak ke Filipina menggunakan feri penumpang di perairan Sandakan, Sabah sebanyak 500 kotak seberat 8.5 tan pada 21 Mac 2012



Tangkapan barang kawalan oleh DM 18 Tawau di perairan Jeti Batu-Batu, Tawau melibatkan beras, minyak masak, tepung gandum dan tong gas pada 23 September 2012

DADAH



Tangkapan penyeludupan dadah (ganja) oleh Pangkalan Maritim Kuala Perlis sebanyak 10 kg di perairan Kuala Jerlun, Kedah pada 9 Januari 2012



Tangkapan penyeludupan dadah (ganja) oleh Pangkalan Maritim Kuala Perlis sebanyak 3 kg di perairan Kuala Perlis pada 20 April 2012

PASIR



Tangkapan penyeludupan pasir oleh DM 8 Kuantan melibatkan kru negara Malaysia dan Indonesia di perairan Kuala Pahang, Kuantan pada 6 Mei 2012

LAIN-LAIN KEGIATAN



Tangkapan membawa masuk 26 ekor tenggiling dari Pulau Rupert, Indonesia di perairan Pulau Hanyut dan Pulau Undan, Melaka oleh DM 5 Kuala Linggi pada 28 Mei 2012



Tangkapan membawa masuk 26 ekor tenggiling dari Pulau Rupert, Indonesia di perairan Pulau Hanyut dan Pulau Undan, Melaka oleh DM 5 Kuala Linggi pada 28 Mei 2012

Jadual 2 berikut menunjukkan jumlah kertas siasatan yang diterima oleh APMM pada tahun 2012:

Tahun	Kompaun	Pendakwaan	NFA	Pelupusan/ Lucuthak	Amaran	Bebas	Usir	Lain-Lain
2012	309	99	128	107	0	0	0	310

JADUAL 2 : Jumlah Kertas Siasatan Yang Diterima APMM

Jadual 3 di bawah menunjukkan kes-kes pendakwaan yang dikendalikan oleh APMM pada tahun 2012:

Tahun	Mahkamah Majistret	Mahkamah Sesyen	Mahkamah Tinggi	Jumlah
2012	155	103	18	276

JADUAL 3 : Kes-kes Pendakwaan Yang Dikendalikan APMM

CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA

APMM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagai penyelaras operasi *Search and Rescue* (SAR) telah melalui pelbagai cabaran dalam usaha memenuhi keperluan untuk respon kepada kecemasan yang berlaku di kawasan perairan tanggungjawab negara yang diwartakan. Ini kerana kawasan tanggungjawab mencari dan menyelamatkan maritim Malaysia (*Maritime Search and Rescue Region – MSSR*) adalah luas di mana ianya meliputi pantai barat Semenanjung Malaysia, dari Selat Melaka hingga ke Laut Andaman, di sebelah Timur Semenanjung Malaysia dari pantai hingga ke Zon Ekonomi Eksklusif (Laut China Selatan) dan di pantai Sabah dan Sarawak hingga ke laut Sulu seperti di **Carta 5**.




CARTA 5 : Kawasan MSSR




INSIDEN KECEMASAN DI LAUT

Semenjak mengambil alih sebagai penyelaras SAR Maritim Kebangsaan pada 6 Jun 2006 sehingga sekarang, APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 810 kes pelbagai kecemasan yang memerlukan perkhidmatan SAR dan pengaktifan operasi mencari dan menyelamatkan. Tahun 2012 telah mencatatkan jumlah insiden kecemasan di laut sebanyak 180 kes. Sebanyak 141 kes melibatkan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan, 9 kes melibatkan operasi pemindahan keluar mangsa kapal yang memerlukan rawatan kecemasan (MEDEVAC) manakala 29 kes adalah pancaran amaran kecemasan kapal GDMSS. Statistik insiden kecemasan dan peratusan kes seperti di **Carta 6** dan **Carta 7**.




CARTA 6 : Jumlah Kes Yang Dikendalikan Pada Tahun 2012




CARTA 7 : Peratusan Kes SAR Tahun 2012


Kes yang terbanyak yang dikendalikan adalah yang melibatkan mangsa hilang di laut iaitu 83 kes atau 46% dari 180 kes yang dikendalikan. Kes kapal/bot dan orang hilang di laut telah menyumbang kepada jumlah mangsa kecemasan sebanyak 622 mangsa iaitu yang tertinggi sejak 4 tahun sebelumnya, di mana 492 (79%) mangsa berjaya diselamatkan. Namun begitu, terdapat 97 (16%) mangsa mati dan 33 (5%) mangsa masih hilang adalah seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**. Kegagalan dalam menyelamatkan mangsa adalah berpunca dari kelewatan menerima laporan kejadian, posisi kejadian yang dilaporkan tidak tepat dan juga keadaan cuaca yang buruk dan laut bergelora. Peratusan mangsa kecemasan adalah seperti di **Carta 10**. Manakala untuk melihat peratusan jumlah mangsa mengikut kategori adalah seperti di **Carta 11**.



CARTA 8 : Status Mangsa Kejadian 2012




CARTA 9 : Peratusan Status Mangsa Kejadian 2012




CARTA 10 : Peratusan Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2012

Dari jumlah sebanyak 180 kes insiden kecemasan di laut yang dikendalikan, kes kedua yang paling tinggi iaitu sebanyak 58 kes atau 33% adalah melibatkan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan yang melibatkan insiden kapal dan bot. Kategori insiden yang melibatkan kapal dan bot dibahagikan kepada beberapa katogeri insiden seperti kes tenggelam, kes terbakar, kes bocor, kes berlanggar, kes hilang, kes rosak, kes terbalik dan kes terkandas. Kategori insiden jatuh laut adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 13 kes atau 23% daripada 58 kes diikuti oleh kapal atau bot yang karam atau tenggelam sebanyak 12 kes atau 20% dan pancaran kecemasan palsu sebanyak 10 kes atau 17%. Statistik Insiden kapal/bot dan peratusan kategori insiden seperti di **Carta 11**.




CARTA 11 : Peratusan Kategori Insiden Kapal Dan Bot Tahun 2012

Carta 12 dan **Carta 13** pula menunjukkan statistik dan peratusan jumlah mangsa keseluruhan serta jumlah mangsa yang selamat, mati dan hilang mengikut wilayah.



CARTA 12 : Peratusan Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah



CARTA 13 - Graf Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2012



KEUPAYAAN & KESIAGAAN



KESIAGAAN ASET OPERASI

Kesiagaan aset operasi bermaksud tahap kesiapsediaan infrastruktur, jentera dan sistem-sistem yang dimiliki oleh APMM bagi menjalankan penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia. Aspek kesiagaan amat penting dalam menentukan strategi dan pendekatan dalam melakukan sesebuah aktiviti penguatkuasaan. Rangkaian aset yang tersusun, saling melengkapi dan sentiasa dalam keadaan sedia akan memudahkan pelaksanaan sesuatu arahan apabila terdapatnya keperluan dan tindakan serta-merta.

ASET BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR

Kemudahan infrastruktur yang berkesan penting untuk menentukan pelaksanaan operasi berjalan dengan lancar. Bagi memastikan keperluan operasi dipenuhi APMM telah berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik dengan kewujudan pejabat-pejabat baru. Terdapat tiga buah projek yang telah disiapkan dan mula diduduki pada tahun 2012. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut :

Pejabat Daerah Maritim 7 Tanjung Sedeli

Projek perintis APMM ini telah dilancarkan pada penghujung tahun 2008 dan proses pembinaannya dianugerahkan kepada Syarikat Anjung Emas Sdn. Bhd. Projek ini telah dibina di atas tanah seluas 0.88 ekar dan mula diduduki oleh APMM pada 31 Januari 2012. Projek ini dikelola oleh pihak JKR dan dipantau secara bersama oleh BHEPMM dan APMM. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan jeti.



Pejabat Daerah Maritim 7 Tanjung Sedeli

Pejabat Daerah Maritim 9 Kuala Terengganu

Projek ini telah dilancarkan pada April 2010 dan proses pembinaannya dianugerahkan kepada Syarikat Rancangan Kita Sdn. Bhd. Projek ini telah dibina di atas tanah seluas 2.69 ekar dan telah mula diduduki oleh APMM pada 10 Julai 2012. Projek pembinaan ini dikelola oleh pihak JKR dan dipantau oleh BHEPMM dan APMM. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan jeti.



Pejabat Daerah Maritim 9 Kuala Terengganu

3) Stesen Udara Maritim Malaysia, Subang

Projek ini telah dilancarkan pada 1 September 2009 dan proses pembinaannya dianugerahkan kepada Syarikat NMK Builders Sdn. Bhd. Projek ini telah dibina di atas tanah seluas 10.26 ekar dan telah mula diduduki oleh APMM pada Mei 2012. Projek pembinaan ini dikelolakan oleh pihak JKR dan dipantau oleh BHEPMM dan APMM. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan *hanger*.



Stesen Udara Subang

Pada tahun 2011, APMM telah mengambil alih beberapa bangunan pejabat dan jeti sedia ada daripada agensi penguatkuasa maritim yang lain. Berlanjutan daripada itu, kerja-kerja senggaraan telah dilaksanakan sebelum ianya boleh digunakan oleh APMM. Kesemua senggaraan bangunan pejabat dan jeti tersebut telah siap pada tahun 2012. Berikut adalah bangunan dan jeti yang telah diambil alih :

Pangkalan Maritim Kemaman

Pangkalan seluas 74.5 ekar ini telah diserahkan kepada APMM pada 15 Ogos 2011 oleh PGM Kemaman. Kerja-kerja pembaikan awal bangunan pejabat tersebut telah dilaksanakan mulai 7 Oktober 2012 dan telah siap pada 23 Disember 2012 sebelum pangkalan tersebut beroperasi. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir, kemudahan sukan, kolam renang, bengkel, jeti dan kuarters.



Pejabat Maritim Kemaman

Daerah Maritim 14 Labuan

Daerah Maritim ini seluas 4.7 ekar telah diserahkan kepada APMM pada 16 Ogos 2011 oleh PGM Labuan. Kerja-kerja pembaikan awal bangunan telah bermula pada 29 Oktober 2012 dan telah siap pada 16 Disember 2012 sebelum ianya beroperasi. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan jeti.



Pandangan Sudut Kanan Bangunan Semasa Kerja-kerja Pembaikan Dilakukan

Daerah Maritim 1 Langkawi

Daerah Maritim seluas 6.375 ekar telah diserahkan kepada APMM oleh PGM Langkawi pada 29 Oktober 2012. Kerja-kerja pembaikan bangunan bermula pada 11 Oktober 2012 dan telah siap pada 19 Disember 2012 sebelum ianya beroperasi. Bangunan pejabat ini akan menempatkan Pejabat Maritim Daerah Langkawi dan SWASLA Langkawi. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan jeti.



Kerja-kerja Pembaikan Di Tingkat Atas Bangunan Pada 19 November 2012



Pandangan Sudut Kanan Bangunan Daerah Maritim 1 Langkawi Selepas Selesai Pembaikan.

Pangkalan Maritim Kuala Kedah

Pangkalan Maritim Kuala Kedah seluas 26.49 ekar telah diserahkan kepada APMM oleh Jabatan Laut pada 1 Mei 2011. Pejabat tersebut telah pun beroperasi bermula dari tarikh tersebut. Antara kemudahan yang terdapat di sana termasuklah pejabat, tempat parkir dan jeti.



Pangkalan Maritim Kuala Kedah

Disamping menyerahkan bangunan serta kemudahan sedia ada, Kementerian Dalam Negeri juga telah memutuskan untuk menyerahkan 3 buah Pangkalan PGM yang sedang dalam pembinaan pada tahun 2011. Berlanjutan daripada itu pengawasan kerja-kerja pembinaan pejabat serta kemudahan pangkalan berkenaan dilakukan oleh Cawangan Bangunan dan Aset. Kemudahan pejabat yang dimaksudkan ialah seperti di bawah :

Pejabat Wilayah Maritim Sarawak, Muara Tebas

Kompleks pejabat ini dibina di atas tanah seluas 52.51 ekar merangkumi kemudahan-kemudahan seperti bangunan pejabat, jeti, bengkel, kuarters, kedai, kolam renang, stor, bengkel kenderaan dan kemudahan sukan. Kompleks yang siap pembinaannya pada bulan Februari 2012 dan telah diserahkan kepada APMM pada 1 Jun 2012. Penyerahan dilaksanakan di Pejabat KDN, Putrajaya. Pejabat ini telah beroperasi mulai tarikh yang sama.



Wilayah Maritim Sarawak, Muara Tebas

Pangkalan Maritim Batu Pahat

Pangkalan Maritim Batu Pahat dibina di atas tanah 10.26 ekar ini merangkumi kemudahan-kemudahan seperti bangunan pejabat, jeti, tempat parkir dan kuarters. Sebanyak 17 unit kuarters yang telah siap pembinaannya pada Mac 2012 dan telah diserahkan kepada APMM pada 1 Jun 2012. Penyerahan dilaksanakan di Pejabat KDN, Putrajaya. Pangkalan Maritim Batu Pahat telah mula beroperasi pada tarikh yang sama dengan penyerahan tersebut.



Pangkalan Maritim Batu Pahat

ASET ALIH

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 26 buah jentera penguatkuasaan baharu telah diterima. Daripada angka berkenaan, 11 buah merupakan kenderaan darat yang terdiri daripada dua buah motosikal, tiga buah kenderaan pacuan empat roda dan enam buah lori kargo. Kehadiran jentera-jentera ini akan membolehkan pasukan sokongan darat mempertingkatkan kemampuan mereka.

Selain itu sebanyak 15 daripada 18 buah jentera air jenis bot pemintas atau *Fast Interceptor Craft* (FIC) yang termeterai di dalam kontrak bersama syarikat BYO Marines Sdn Bhd dan Destination Marine Sdn Bhd telah pun diterima.

Kemasukan bot-bot Kelas Penggalang yang mampu mencapai sehingga 70 *knot* ini dilihat akan memperkasakan kemampuan taktikal APMU dalam menangani isu penyeludupan dan pencerobohan di perairan negara. Baki tiga buah bot yang terkandung di dalam kontrak akan disiapkan pada tahun 2013.

ASET MAYA

Seiring dengan kekuatan aset-aset fizikal, kemampuan sistem dan komponen maya yang menyokong aktiviti penguatkuasaan turut dinilai dan dipertingkatkan saban tahun. Tahun 2012 menyaksikan tiga buah sistem baharu telah diperkenalkan bagi melicinkan dan memperkemas prosedur kerja di Agensi seperti berikut:

Sistem Siasatan dan Pendakwaan (SSP)

Sistem ini dibina bagi merekod dan menyelenggara maklumat-maklumat berkaitan siasatan dan pendakwaan bagi sesuatu kes jenayah maritim. Pelancaran sistem ini membolehkan Pegawai Penyiasat (IO) dan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) merujuk dan mengemas kini setiap perkembangan kes secara atas talian.

Ini sekaligus akan menjimatkan masa dalam urusan penyelarasan dan memudahkan butiran maklumat bagi setiap kes diperolehi. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 391 kes siasatan telah direkod dan didokumenkan menggunakan sistem ini.

Sistem Pengurusan Senjata (SPS)

Sistem Pengurusan Senjata berfungsi untuk merekod dan membolehkan penggunaan senjata di APMU dipantau secara atas talian oleh cawangan yang bertanggungjawab. Dengan pelancaran sistem ini, setiap transaksi pengeluaran senjata perlu dicatat dan diselenggara oleh pegawai bertugas. Aplikasi ini amat membantu terutamanya bagi menjejak penggunaan setiap senjata di samping menguji tahap kebolegunaan dan keberkesanan sesuatu senjata tersebut.

Selain itu, sistem ini juga membolehkan statistik dan pola peminjaman senjata dijana dan dibuat analisis oleh Unit Persenjataan di Ibu Pejabat.

Sistem Pengurusan dan Penjejakan Kapal (VTMS) versi 2

Kejayaan Sistem Pengurusan dan Penjejakan Kapal atau VTMS versi 1 telah banyak membantu dalam perancangan tugas dan taktikal penguatkuasaan oleh Agensi.

Walau bagaimanapun, itu tidak bermakna APMU boleh mendabik dada, sebaliknya setiap ulasan dan aduan yang diberikan oleh pengguna diambil perhatian dan diperbaiki dalam versi kedua sistem ini yang telah dipertingkatkan.

Antara kelebihan utama di dalam VTMS versi 2 adalah paparan peta yang lebih terperinci dan mempunyai pelbagai penambahan maklumat bagi membantu menjejak kedudukan kapal dan bot di zon maritim dengan ralat yang lebih rendah.

Tahap mesra pengguna sistem juga telah mencapai tahap *benchmark* yang lebih tinggi daripada versi terdahulu.



PENGURUSAN KAPASITI



PENGURUSAN KAPASITI

Pengurusan Kapasiti adalah salah satu komponen penting dalam pengurusan organisasi. Ia memainkan peranan dalam memastikan urusan sesebuah organisasi dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan Kapasiti perlu mengambil kira had bagi sumber sesebuah organisasi, merangkumi tenaga kerja, ruang kerja, teknologi, peralatan dan inventori. Ia juga melibatkan pengurusan had kapasiti sesebuah organisasi terutamanya apabila sesuatu proses kerja menggabungkan beberapa sumber organisasi bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan Modal Insan merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah organisasi. Modal Insan kini telah dijadikan sebagai satu aset kepada organisasi dalam memastikan pelaksanaan fungsi organisasi berjalan secara lancar dan teratur. Bagi memastikan peningkatan kompetensi modal insan, beberapa inisiatif telah diambil oleh agensi ini pada tahun 2012.

PELAKSANAAN KURSUS

Kursus Asas

Pada tahun 2012, sebanyak dua kursus asas telah dijalankan iaitu Pegawai Lain-Lain Pangkat (LLP) LK II Maritim (X1) Siri 9-2011 yang melibatkan penyertaan sebanyak seramai 86 orang dan kursus asas Pegawai Leftenan Maritim (X17) Siri 5-2012 dengan penglibatan seramai 84 orang termasuk empat orang wanita. Peserta kursus Pegawai LLP LK II Maritim (X1) Siri 9-2011 telah berjaya menamatkan latihan pada 12 Mei 2012 manakala bagi peserta kursus Pegawai Leftenan Maritim (X17) Siri 5-2012, kursus yang bermula pada 23 April 2012 sedang berjalan dan akan tamat pada 26 Januari 2013.

Di samping itu, pelaksanaan kursus bagi pengambilan baru Pegawai LLP LK II Maritim (X1) Siri 10-2012 telah mula dijalankan pada Oktober 2012 melibatkan peserta seramai 176 orang.



Kursus Lanjutan

Sebanyak tujuh kursus yang telah dilaksanakan oleh Unit Latihan Lanjutan dan Undang-undang sepanjang tempoh laporan dengan melibatkan seramai 314 Pegawai Penguat Kuasa iaitu 48 Pegawai dan 266 Pegawai LLP.

Kursus Anjuran Luar

Sebanyak lima jenis kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2012 melibatkan seramai 130 peserta. Kursus telah dianjurkan oleh beberapa cawangan dari Ibu Pejabat dan JICA.

Akreditasi Kursus

Dalam menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dan mematuhi piawaian antarabangsa, Akademi Maritim Sultan Ahmad Syah (AMSAS) telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan akreditasi bagi pelaksanaan kursus di bawahnya. Hasilnya, AMSAS telah menerima akreditasi bagi pelaksanaan kursus di bawah standard latihan dan pengawasan atau STCW oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) iaitu bagi kursus latihan *Mate Below 500GT Domestic Voyage*.

AMSAS juga sedang dalam proses mendapatkan akreditasi bagi kursus berikut:

7.1 Kursus *Engineer Officer* (EO) – Bawah 750 KW

7.2 *Basic Safety Training* (BST)

Selaras dengan keperluan *International Convention on STCW 1978 and Code 2010 (Manila Amendments)*, langkah-langkah penambahbaikan sedang dilaksanakan bagi 6 kursus berikut:

8.1 Pegawai Memerintah Muda

8.2 Laskar Kelas II Maritim

8.3 Pegawai Bertugas Anjungan

8.4 Ketua Bot

8.5 *Mate Below 500GT Domestic Voyage*

8.6 Undang-undang Rendah



KURSUS DAN LATIHAN PENGENDALIAN ASET

Kemampuan kesiagaan aset secara fizikal dan maya yang tinggi tidak akan bermakna tanpa pengendali dan personel yang berkebolehan. Justeru, agensi sentiasa merangka dan melaksanakan pelan latihan dan kursus yang sejajar dengan keperluan dan kehendak aset yang dimiliki.

Antara kursus-kursus dan latihan utama yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

Kursus *Chief of the Boat* (COB)

Telah dilaksanakan 2 kali iaitu pada 12 hingga 23 Mac 2012 dan 24 September hingga 5 Oktober 2012 di Lumut Perak yang melibatkan seramai 30 anggota.

Onboard Continuous Training (OCT)

14 buah kapal berjaya menamatkan kursus ini dengan jayanya.

Level 1 Maintenance Course

Latihan bertujuan untuk menimbulkan kesedaran mengenai kepentingan senggaraan asas di kalangan warga kapal dan bot sendiri. Sebanyak 28 buah bot Kelas KILAT, tiga buah bot Kelas Petir dan tiga buah bot masing-masing daripada Kelas PELINDUNG, PENGAWAL dan PENYELAMAT telah menjalani latihan ini.

Pre-Joining Training (PJT)

8 kapal, 16 buah bot Kelas Pengawal dan 7 buah bot Kelas Penggalang berjaya menamatkan kursus ini.

MTU Engine Operator Training

Kursus pengendalian enjin-enjin kapal ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak 8 siri. Pegawai dan anggota APMM yang terlibat adalah daripada kapal Kelas Malawali, Sipadan, Gagah, Tugau dan bot Kelas Penggalang.

Kursus Peralatan Khas Perisikan

Kursus telah dijalankan pada 2 hingga 8 Disember 2012 di Kota Bharu, Kelantan dan dihadiri oleh 18 orang Pegawai Penguatkuasa Lain-lain Pangkat. Objektif utamanya adalah bagi memberi pendedahan kepada peserta berkaitan aset-aset khas yang digunakan bagi perisikan.

Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan

Lima siri kursus berkaitan pengurusan aset dan stor telah dijalankan. Penekanan diberi kepada peralatan operasi yang merupakan aset bernilai tinggi dan mempunyai ciri-ciri strategik.

Secara keseluruhan, sebanyak 81 kursus dan latihan telah dianjurkan seperti di **Lampiran A**. Kursus yang dianjurkan telah meliputi kesemua aspek operasi dan pengurusan agensi ini. Penyertaan adalah terdiri dari semua lapisan pegawai dan warga agensi dan turut meliputi semua cawangan dan Wilayah Maritim.



PEMBANGUNAN INFOSTRUKTUR

Pembangunan Infostruktur adalah merupakan salah satu bidang yang diberi keutamaan. Pembangunan Infostruktur adalah berkaitan dengan penggunaan data sebagai sumber maklumat yang diolah melalui suatu proses di dalam sistem maklumat. Tahun 2012 menyaksikan tiga buah sistem baharu telah diperkenalkan bagi melicinkan dan memperkemas prosedur kerja di Agensi seperti berikut:

Sistem Siasatan dan Pendakwaan (SSP)

Sistem ini dibina bagi merekod dan menyelenggara maklumat-maklumat berkaitan siasatan dan pendakwaan bagi sesuatu kes jenayah maritim. Ini membolehkan Pegawai Penyiasat (IO) dan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) merujuk dan mengemas kini setiap perkembangan kes secara atas talian sekaligus menjimatkan masa dalam urusan penyelarasan dan memudahkan butiran maklumat bagi setiap kes diperoleh. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 391 kes siasatan telah direkod dan didokumenkan menggunakan sistem ini.

Sistem Pengurusan Senjata (SPS)

Sistem ini berfungsi untuk merekod dan membolehkan penggunaan senjata di APMM dipantau secara atas talian oleh cawangan yang bertanggungjawab. Setiap transaksi pengeluaran senjata perlu dicatat dan diselenggara oleh pegawai bertugas. Aplikasi ini amat membantu terutamanya bagi menjejak penggunaan setiap senjata di samping menguji tahap kebolehgunaan dan keberkesanan sesuatu senjata tersebut. Sistem ini juga membolehkan statistik dan pola peminjaman senjata dijana dan dibuat analisis oleh Unit Persenjataan di Ibu Pejabat.

Sistem Pengurusan dan Penjejakan Kapal (VTMS) versi 2

Lanjutan dari kejayaan Sistem Pengurusan dan Penjejakan Kapal atau VTMS versi 1 dalam perancangan tugas dan taktikal penguatkuasaan oleh agensi, versi 2 telah dibangunkan.

Antara kelebihan utama di dalam VTMS versi 2 adalah paparan peta yang lebih terperinci dan mempunyai pelbagai penambahan maklumat bagi membantu menjejak kedudukan kapal dan bot di zon maritim dengan ralat yang lebih rendah serta lebih mesra pengguna.

Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Pengetahuan APMM (PSKM APMM)

Bermula 6 Mac 2012, APMM dengan kerjasama MAMPU telah mula membangunkan pelan strategik pengurusan pengetahuan. Lanjutan dari itu beberapa aktiviti yang berkaitan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012, iaitu:

4.1 KM Awareness

Telah diadakan pada 3 September 2012 di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya bertujuan untuk memberi kesedaran awal kepada anggota APMM mengenai pengurusan pengetahuan dan hala tuju sektor awam.

4.2 Kaji Selidik Tahap Pengamalan KM Di APMM

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini akan dianalisis dan akan memberi gambaran pemahaman yang lebih luas bagi mencadangkan strategi, program dan pelan tindakan untuk pembangunan dan pelaksanaan pembangunan pelan strategi pengurusan pengetahuan APMM.

SISTEM PENGAWASAN LAUT DIPERLUAS

Perasmian Sistem Pengawasan Maritim (Laut) Sabah atau dikenali dengan SWASLA Sabah telah diadakan pada 14 Mac 2012 dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah APMM.

SWASLA Sabah dilengkapi dengan tiga buah *Remote SensorSite* (RSS) yang ditempatkan di lokasi yang strategik manakala *Main Control Center* (MCC) yang bertindak sebagai Pusat Kawalan Utama terletak di Kota Kinabalu.

Antara fungsi penubuhan SWASLA Sabah sebagai *eye in the sky* bagi Maritim Malaysia adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan perairan dan pelayaran di pantai Barat Sabah dari sebarang ancaman jenayah/ pencemaran maritim disamping untuk memelihara maruah dan kedaulatan negara. Secara tidak langsung ia akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Sabah terutama di dalam sektor perikanan, pelancongan dan petroleum.

Sistem ini beroperasi secara 24 jam, dikawal selia dari Pusat Kawalan Utama (MCC) dan di antara peranan sistem ini adalah seperti berikut:

- Tugas pengawasan ke atas keseluruhan kawasan lingkungan radar.
- Pengawasan secara proaktif ke atas keselamatan perairan Sabah Barat.
- Membantu menyediakan maklumat sasaran disyaki yang melanggar undang-undang negara.
- Menyalurkan maklumat yang tepat dan jitu kepada kapal-kapal APMM serta Agensi Penguatkuasa yang lain untuk tindakan.

SWASLA Sabah telah bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Sabah bagi menyenaraikan ketiga-tiga RSS sebagai Sasaran Penting Negeri Sabah Keutamaan 2. Sehubungan itu, ketiga-tiga RSS akan dipantau dari sebarang aktiviti yang tidak diingini bagi menghalang sebarang kemasukan yang tidak dibenarkan, ancaman sabotaj serta perbuatan khianat di semua RSS.

PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan adalah merupakan salah satu asas utama dalam memastikan fungsi dan peranan sesebuah agensi dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan kewangan meliputi proses perancangan, pengeluaran dan juga pemantauan ke atas segala proses dan urusan yang berkaitan. Pengurusan kewangan yang baik juga akan dapat memastikan penjimatan dan penggunaan sumber kewangan yang efisien dan berkesan.

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan belanja mengurus tahun 2012 bagi APMM adalah sebanyak RM394,370,000.00 manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM393,329,899.08 iaitu prestasi perbelanjaan 99.74%. Perincian prestasi perbelanjaan seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**:

Perkara	Peruntukan Kemaskini (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
Dasar Sedia Ada	380,687,000.00	379,715,874.87	99.74
Dasar Baru	5,405,300.00	5,394,305.47	99.80
One-Off	7,739,700.00	7,688,943.21	99.34
Program Khusus	538,000.00	530,775.53	98.66
Jumlah	394,370,000.00	393,329,899.08	99.74

JADUAL 1 : Prestasi Perbelanjaan Mengikut Dasar

PTJ	Peruntukan Kemaskini (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
Ibu Pejabat	288,432,962.44	288,156,127.31	99.90
Wilayah Utara	18,866,112.00	18,705,566.28	99.15
Wilayah Selatan	13,947,110.50	13,876,254.22	99.49
Wilayah Timur	17,184,661.00	17,081,676.41	99.40
Wilayah Sarawak	17,792,843.00	17,759,624.83	99.81
Wilayah Sabah	28,700,602.00	28,486,900.58	99.26
Pusat Latihan & Akademi	4,891,309.00	4,780,439.74	97.73
PPPM	761,040.06	742,078.88	97.51
Stesen Udara Subang	3,793,360.00	3,741,230.83	
Jumlah	394,370,000.00	393,329,899.08	99.74

JADUAL 2 : Prestasi Perbelanjaan Mengikut PTJ

Pemeriksaan Pengurusan Kewangan

Bagi memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) APMM sentiasa mematuhi peraturan dan tatacara kewangan, pemeriksaan pengurusan kewangan telah dilakukan ke atas 12 PTJ terpilih sepanjang tahun 2012.

PENGURUSAN ASET

Sistem Pengurusan Aset (SPA) yang telah dioperasikan di Ibu Pejabat sejak tahun 2011 telah berjaya diluaskan penggunaannya ke pejabat-pejabat APMM di seluruh negara. Kejayaan ini merupakan hasil kerjasama Cawangan Naziran / Tim Perintis Pengurusan Aset dan Cawangan Teknologi Maklumat.

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 12,994 aset harta modal dan inventori bernilai RM 1,463,486,997.16 telah didaftarkan dan disahkan ke dalam sistem SPA. Pendaftaran ini merangkumi 89% daripada keseluruhan aset milik APMM.

Selain sistem SPA, pada tahun 2012 juga Agensi telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) bagi mendaftarkan bangunan-bangunan milik APMM ke dalam sistem berkenaan. Sebanyak 12 daripada 14 buah atau 86% pejabat APMM telah didaftarkan di sepanjang tahun 2012.

Agensi juga telah berjaya menganjurkan tiga kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan selain satu taklimat berkenaan Pemeriksaan Stok dan Verifikasi Stor. Kursus dan taklimat yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3**;

BIL.	LOKASI	TARIKH
KURSUS		
1.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pengurusan Stor Kerajaan (bagi Semenanjung)	30 Julai – 2 Ogos 2012
2.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pengurusan Stor Kerajaan (bagi Sabah dan Sarawak)	20-23 November 2012
3.	Kursus Kehilangan dan Hapuskira	28-30 November 2012
TAKLIMAT		
1.	Taklimat Pemeriksaan Stok dan Verifikasi Stor APMM	25 September 2012

JADUAL 3 : Kursus dan Taklimat Pengurusan Aset

Pemeriksaan pengurusan aset dan stor turut dijalankan oleh Cawangan Naziran / Tim Perintis Pengurusan Aset bersama-sama dengan Tim Pemeriksaan dari Cawangan Kewangan dan Belanjawan. Pemeriksaan pengurusan aset dan stor yang diadakan meliputi wilayah, daerah dan pangkalan terpilih seperti di **Jadual 4**.

BIL.	LOKASI	TARIKH
1.	Wilayah Maritim Selatan, Daerah Maritim Johor Bahru, Daerah Maritim Sedili dan Pangkalan Maritim Mersing	22 – 24 Mei 2012
2.	Wilayah Maritim Sarawak dan Daerah Maritim Kuching	18 - 20 Jun 2012
3.	Daerah Maritim Bintulu dan Daerah Maritim Miri	3 - 7 Julai 2012
4.	Daerah Maritim Sandakan dan Daerah Maritim Tawau	2 - 5 Oktober 2012

JADUAL 4 : Pemeriksaan Pegangan Aset dan Stor

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 3,566 aset alih kerajaan telah dilupuskan dengan nilai perolehan asal RM 41,145,016.74 dan hasil pelupusan adalah RM 252,703.00. Manakala bagi aset lucut hak pula, sebanyak 6,094 aset telah dilupuskan dengan nilai perolehan asal RM 8,117,287.17 dan hasil pelupusan adalah RM 274,360.92.

Selain daripada itu, pengurusan stor yang diselenggarakan termasuklah stor peralatan pejabat, bekalan teknikal dan bekalan am pula mencatatkan bilangan stok sebanyak 2,329,390 dengan nilai jumlah stok RM4,991,902.58 berakhir pada 31 Disember 2012.

PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

Dalam memastikan operasi dan fungsi agensi ini dapat dijalankan secara teratur dan berkesan, perolehan peralatan dan keperluan operasi dan pengurusan dijalankan dari semasa ke semasa. Secara keseluruhannya, perolehan secara sebut harga bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM14,066,985.56. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 18 perolehan bekalan, 24 perolehan perkhidmatan dan 2 perolehan kerja.



Laman web ePerolehan

Daripada 18 perolehan bekalan, lima sebut harga bekalan dilaksanakan secara eBidding. Bagi perkhidmatan pula, lima sebut harga dilaksanakan secara eBidding daripada jumlah 24. Perolehan kerja dilaksanakan secara iklan yang biasa; tidak menggunakan Sistem ePerolehan atau eBidding.

Perincian perolehan sebut harga secara ePerolehan dan eBidding adalah seperti di **Jadual 5** dan **Jadual 6** :

Jenis Perolehan	Sebut Harga ePerolehan	Jumlah Perolehan (RM)
Bekalan	18	3,133,724.00
Perkhidmatan	24	10,625,371.36
Kerja	2	307,890.20
Jumlah	45	14,066,985.56

JADUAL 5 : Sebut Harga Secara ePerolehan dan eBidding

Perincian perolehan sebut harga secara eBidding sahaja adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Sebut Harga ePerolehan	Jumlah Perolehan (RM)
Bekalan	5	660,740.00
Perkhidmatan	5	706,864.00
Kerja	-	-
Jumlah	10	1,367,604.00

JADUAL 6 : Sebut Harga Secara eBidding Sahaja

PENGURUSAN PELANGGAN & KOMUNIKASI

APMM melalui Unit Perhubungan Awam telah terlibat secara aktif dalam penyampaian dan penyaluran maklumat kepada pelanggan. Ini bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di samping menaikkan imej agensi sebagai agensi penguat kuasa maritim tunggal di negara ini. Usaha-usaha kepelbagaian publisiti/promosi penjenamaan dan perkhidmatan teras dilakukan menerusi pelbagai program, produk dan aktiviti komunikasi.

PUBLISITI DAN PROMOSI

Publisiti dan promosi Maritim Malaysia dilaksanakan menerusi pelbagai program, produk dan aktiviti yang dirancang sama ada di peringkat Ibu Pejabat, Wilayah mahupun Daerah Maritim. Penyaluran maklumat dibuat menerusi pelbagai saluran bagi memastikan setiap mesej publisiti dan promosi boleh mencapai sasaran pelanggan dengan berkesan.

Di sepanjang tahun 2012, APMM telah mengendalikan dan mengkoordinasikan penyiaran berita-berita di media cetak dan elektronik. Statistik liputan berita pada tahun 2012 telah meningkat kepada 1,706 berita berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah 1,535 berita. Berita yang disiarkan adalah mengenai kes-

kes tangkapan dalam operasi penguatkuasaan dan carilamat maritim, pembangunan sumber manusia, pembangunan aset dan infrastruktur dan program khidmat komuniti. Liputan media elektronik pula adalah sebanyak 1,262 pada tahun 2012 berbanding 463 pada tahun 2011. Selain liputan berita, sebanyak 22 program khas telah disiarkan di saluran televisyen dan 30 rencana di akhbar. APMM juga telah menyiarkan sebanyak 349 berita menerusi portal rasmi agensi yang aksesnya terbuka kepada semua pengguna

Sebanyak lapan temu bual televisyen dan tiga temubual radio yang melibatkan pemimpin di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah Maritim telah diaturkan. Ia menjadi medium yang sangat efektif dalam penyaluran maklumat mengenai dasar agensi sehingga ke akar umbi

terutamanya terhadap kumpulan sasar yang berkepentingan. Peluang dibuka kepada penonton dan pendengar untuk berinteraksi dan bertanya soalan serta mengemukakan pandangan dalam mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan Maritim Malaysia.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 74 termasuk satu pameran antarabangsa telah dilaksanakan untuk menerangkan segala tugas, fungsi dan peranan Maritim Malaysia kepada para pengunjung. APMM juga bekerjasama melaksanakan pameran secara bersama dengan kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Belia dan Sukan sempena Karnival Hari Belia 2012 di Putrajaya peringkat kebangsaan dan Pameran Kerjaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (JPA).



PENGLIBATAN	IBU PEJABAT	WILUTA	WILTIM	WILSEL	WILSAB	WILSAR	JUMLAH
IPTA & IPTS	1	2				1	4
KERAJAAN	5	13	13	13	12	7	36
SWASTA	1		2	3			3
ANTARABANGSA	1						
JUMLAH KESELURUHAN	8	15	15	16	12	8	74

JADUAL 7 : Jumlah Pameran yang Dilaksanakan 2012


Aktiviti bersama media dilaksanakan secara berterusan termasuk lawatan ke agensi media yang mana pengurusan tertinggi kedua-dua pihak dapat bertemu dan berbincang menerusi sesi soal jawab yang diadakan. Melalui cara yang demikian, agenda penting agensi ini dapat disebarluaskan.

Bagi memastikan keberkesanan program publisiti dan promosi, UPA telah melaksanakan pemantauan berterusan terhadap media cetak, media atas talian dan media elektronik. Pada tahun 2012, sebanyak 2,968 bilangan artikel/berita telah dipantau melalui akhbar dan TV serta 45 aduan. Pemantauan secara berterusan ini juga bertujuan untuk memastikan isu-isu berkaitan yang diutarakan melalui media cetak dan elektronik dapat diberi maklum balas secara tepat dan cepat selaras dengan hasrat kerajaan agar kualiti pencapaian perkhidmatan pelanggan dipertingkatkan.




PENGURUSAN ADUAN AWAM


APMM memantau dan memberikan maklum balas terhadap segala aduan yang diterima daripada pelbagai sumber termasuk Biro Pengaduan Awam (BPA), *Webmaster*, *E-aduan*, media serta surat, e-mel dan *booth* pameran. Sebanyak 45 aduan telah diterima sepanjang tahun 2012 dan 44 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja dan satu aduan diselesaikan melebihi tempoh had iaitu pada hari ke-17 berhubung penguatkuasaan. Kategori aduan dibuat mengikut spesifikasi pengelasan aduan yang telah ditetapkan oleh BPA. Carta aduan seperti di **Carta 1, 2, 3 dan 4**.




CARTA 1: Pecahan Aduan (Pengurusan & Penguatkuasaan) dari Januari - Disember 2012



CARTA 2: Pecahan Aduan Kategori Aduan dari Januari - Disember 2012



CARTA 3: Sumber Aduan dari Januari - Disember 2012



CARTA 4: Tempoh Penyelesaian Aduan dari Januari - Disember 2012

KURSUS DAN LATIHAN

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH
1	Bengkel TNA Bagi Membangunkan <i>Course Of Study Level 4 & 5</i>	22-24 Feb 2012
2	Bengkel Penggubalan Soalan Dan Skema Jawapan UUR, UUP DAN UUT	26-29 Feb 2012
3	Kursus Penyelam Kapal Siri 4/2012	26 Mac-15 Mei 2012
4	Kursus Undang-Undang Rendah P/Lk Siri 5/2012	05 Mac-4 April 2012
5	Kursus Train The Trainer Bagi Jurulatih Serta Bakal Jurulatih	02-06 April 2012
6	Kursus Undang-Undang Rendah P/LK Siri 6 Bil 2/2012	23 April-25 Mei 2012
7	Kursus Basic Safety Training (BST) Siri 1/2012	14 - 18 Mei 2012
8	Kursus Undang-Undang Rendah P/LK Siri 7 Bil 3/2012	28 Mei -27 Jun 2012
9	Kursus Kompetensi <i>Mate Below Than 500 GT Domestic Voyage</i> Siri 1/2012	21 Mei -22 Jun 2012
10	Kursus Induksi Umum / Khusus Pegawai APMM Bil.5 Siri 1/2012	18-22 Jun 2012 25 Jun -5 Julai 2012
11	Kursus Kompetensi <i>Mate Below Than 500 GT Domestic Voyage</i> Siri 2/2012	10 Sept-12 Okt 2012
12	Kursus Penyelam Kapal Siri 5/2012	17 Sept-16 Nov 2012
	Kursus <i>Restricted Operator Certificate</i> (ROC) Siri 1/2012	24-28 Sept 2012
13	Kursus <i>General Operator Certificate</i> (GOC)	08-19 Oktober 2012
	Kursus <i>Basic Train For Trainer</i>	29 Okt-02 Nov 2012
14	Bengkel Penyediaan Pelan Integriti Dan Modul Kursus Integriti Maritim Malaysia	17-19 Okt 2012
15	Kursus Pengurusan Perolehan & Prosedur Bayaran	20-23 Mac 2012
	Kursus Panjar Khas Kapal dan Wang Runcit	19 - 21 Sept 2012
16	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan dan Prosedur Bayaran (Khusus untuk pegawai Sabah dan Sarawak sahaja)	30 Okt-2 Nov 2012
17	Kursus KPI dan Pengurusan Prestasi	16 - 18 Jan 2012
18	Kursus Asas Keselamatan Kebakaran Awam	09 -13 Julai 2012
19	Taklimat Kerja Pengurusan Dokumen (Kursus Penggunaan Klasifikasi Fail)	12-14 Dis 2012



BIL	NAMA KURSUS	TARIKH
20	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Bagi Semenanjung)	30 Julai - 2 Ogos 2012
21	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor APMM Tahun 2012 (Wilayah Sabah dan Sarawak)	20 -23 Nov 2012
22	Kursus Kehilangan dan Hapuskira APMM Tahun 2012	28-30 Nov 2012
23	PHP dan MySQL (<i>Fast Track</i>)	24-27 Sept 2012
24	PHP dan MySQL (<i>Advanced</i>)	15-18 Okt 2012
25	<i>Laptop Repairing and Upgrading (Advanced)</i>	5-7 Nov 2012
26	Kursus Penyediaan Laporan Penilaian Teknikal, Harga serta Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan secara eBidding melalui Sistem ePerolehan	6 Mac 2012
27	Kursus Asas Fotografi dan Penulisan APMM Siri 1/2012	9-13 April 2012
28	Kursus Teknik Reka Bentuk Grafik dan Penerbitan Percetakan	11-13 September 2012
29	Kursus Bahasa Vietnam, Thailand dan Myanmar	23-26 April 2012
30	Seminar Siasatan APMM 1/2012	17-21 September 2012
31	Seminar Siasatan APMM Bil. 1/2012	17-21 Sept 2012
32	Kursus Membaca Bahasa Tubuh	8-12 Oktober 2012
33	Kursus Lanjutan Bahasa Asing (Vietnam dan Thailand)	28 Okt-02 Nov 2012
34	Bengkel Isu Perundangan dan Pendakwaan APMM Tahun 2012	26-30 Nov 2012
35	Kursus Asas Perisikan Pegawai Maritim 1/2012	18 - 31 Mac 2012
36	Kursus Asas Perisikan Pegawai LLP Siri 1/2012	17-29 Sept 2012
37	Kursus Lanjutan Perisikan Pegawai Siri 1/2012	7-20 Okt 2012
38	Kursus Peralatan Khas Perisikan Siri 1/2012	02-08 Dis 2012
39	Seminar/Latihan <i>Enhancement of Special Rescue Technique</i> bersama Jurulatih Pakar dari Japan Coast Guard	17-28 Jan 2012
40	Latihan Menembak Senjata Kecil Bulan (anggota PTK)	20-23 Feb 2012
41	Latihan Kolam Renang	8-9 Feb 2012
42	Kursus Kepakaran Menembak Senjata Kecil Sabah/Sarawak	13-15 Feb 2012 21-23 Feb 2012
43	Latihan Menembak Senjata Kecil Bulan (anggota PTK)	12-15 Mac 2012
44	Latihan Kolam Renang	7, 8, 22, 28 & 29 Mac 2012
45	Latihan Menembak Senjata Kecil Bulan (anggota PTK)	23-26 April 2012
46	Latihan Kolam Renang	23 dan 24 Mei 2012

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH
47	Latihan Menembak Senjata Kecil Bulan (anggota PTK)	25-28 Jun 2012
48	Latihan Kolam Renang	13-14 Jun 2012
49	Type Rating, IFR, Asas SAR Juruterbang Helikopter	2 Jan-9 Mac 2012
50	Kursus Lanjutan SAR Siang dan Malam Perenang Penyelamat Helikopter	Tamat 12 Feb 2012
51	Kursus Peralihan dan <i>Refreshner</i> Sayap Kaku Anak Kapal Pesawat Amphibious CL415MP	2-16 Mei 2012
52	Kursus Maritim Anak Kapal Stesen Udara Subang	2-5 Julai 2012
53	Kursus Peralihan Pesawat (<i>Type Rating</i>) AS365N3 Dauphin bagi Juruterbang dan <i>Air Crewman</i> Subang	18-29 Jun 2012
54	Kursus Peralihan Pesawat (<i>Type Rating</i>) AS365N3 Dauphin bagi Juruterbang <i>Contract For Service</i> APMM	16-20 Julai 2012
55	Kursus Peralihan Pesawat <i>Type Rating</i> AS365N3 Dauphin bagi Pembantu Juruterbang SU Subang	23-17 Ogos 2012
56	Kursus <i>Search and Rescue Mission Coordinator</i> (SMC) Siri 2/2012 anjuran Jabatan Penerbangan Awam (DCA)	11 Jun-20 Julai 2012
57	Kursus <i>On Scene Coordinator</i> (OSC) Siri 1/2012	10 - 14 Sept 2012
58	Kursus <i>On Scene Coordinator</i> (OSC) Siri 1/2012	26-30 Nov 2012
59	Kursus <i>Awareness SAR Mission Coordinator</i> (SMC) Siri 1/2012	3-7 Dis 2012
60	Bengkel Pemikiran Strategik dan Eksesais Penguatkuasaan Maritim Siri 1/2012	20 -24 Feb 2012
61	Bengkel Pemikiran Strategik dan Eksesais Penguatkuasaan Maritim Siri 2/2012	2 - 6 April 2012
62	Kursus Asas <i>International Safety Management</i> (ISM) dan Kursus Asas <i>International Ship and Port Facility</i> (ISPS) Code	16-20 April 2012
63	Kursus <i>Flight Deck Officer</i> (FDO)	4-8 Jun 2012
64	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	16-20 Jan 2012
65	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	13-17 Mei 2012
66	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	1-5 Julai 2012
67	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	9-13 Julai 2012
68	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	9-13 Julai 2012
69	Bengkel Menggeledah APMM (MTT)	9-13 Julai 2012
70	Kursus Pemanduan Berhemah	17-19 April 2012
71	Taklimat Pengurusan Dokumen Kenderaan Jabatan	11-Sep-12
72	Kursus Pegawai Memerintah Muda Siri 9/2012	23-27 April 2012
73	Kursus Pegawai Bertugas Anjungan Siri 4/2012	21 Mei -Jun 2012
74	Kursus <i>Mate Less Than 500 GT Domestic Voyage</i>	21Mei-22 Jun 2012PLAMM
75	Kursus Undang-undang Rendah Pemangkuan Laskar Kanan Maritim Siri 6 Bil 2/2012	23 April -25 Mei 2012
76	Kursus Undang-undang Rendah Pemangkuan Laskar Kanan Maritim Siri 7 Bil 2/2012	28 Mei -27 Jun 2012



JARINGAN KERJASAMA



JARINGAN KERJASAMA

Bagi menjalinkan jaringan kerjasama dan perhubungan baik dan harmoni antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ataupun warga maritim setempat dengan agensi kerajaan dalam dan luar negara serta komuniti maritim, pelbagai usaha meliputi aktiviti, eksekusi dan penguatkuasaan, latihan, program-program kemasyarakatan serta kunjungan hormat telah dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya sepanjang 2012.

Program-program antarabangsa yang dapat memberikan impak besar dalam menaikkan serta meningkatkan imej Maritim Malaysia di pentas antarabangsa turut dikoordinasikan seperti mesyuarat dan juga seminar. Di antara aktiviti antarabangsa yang telah diadakan sepanjang tahun 2012 ialah seperti berikut:

SEMINAR/ KURSUS/ BENGKEL ANTARABANGSA

- *Combined Advance Boarding Officer Course*
- *APCSS Response to Terrorism Course*
- *Vessel Search Training*
- *Maritime Law Enforcement Commander's Conference - Pattaya, Thailand*
- *Boarding Officer Course*
- *International Maritime Officer Course*
- *Emergency Preparedness and Crisis Management*
- *CTFP Homeland Defense Short Course*
- *Ocean Training Cruise Programme, Training Vessel Kojima of Japan Coast Guard*
- *Maritime Search and Rescue, Marine Disaster Prevention and Marine Environment Protection Course*
- *Seminar for Leading Coast Guard Officials in Asean Countries*
- *Kursus Mobile Team Training (MTT)*



MESYUARAT/PERSIDANGAN/SEMINAR PERINGKAT ANTARABANGSA

Gulf of Thailand Maritime Law Enforcement Interoperability Initiative 2nd Commander's Forum

Forum ini diadakan pada 11 hingga 14 Disember 2012 di Kuala Lumpur melibatkan empat buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Kemboja dan Vietnam. Delegasi dari Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah bersama empat pegawai penguat kuasa maritim yang dilantik. Matlamat forum ini dianjurkan adalah bagi mewujudkan dan meningkatkan usaha perkongsian maklumat antara agensi-agensi penguatkuasaan luar negara, meningkatkan usaha, kerjasama serta kepercayaan negara-negara yang terlibat.

8th HACGAM dan Working Level Meeting (WLM)

Working Level Meeting (WLM) of the Heads of Asian Coast Guard Agencies Meeting mesyuarat ini bertujuan membincangkan langkah-langkah berkesan bagi menyelenggara dan mempertingkatkan keamanan dan keselamatan maritim di rantau Asia. Objektif utama adalah untuk mempertingkatkan kesedaran persekitaran maritim serta mendapatkan permuafakatan bagi mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif memperkasa keselamatan dan keamanan maritim di rantau Asia selain memperbaiki dan mempertingkatkan perkongsian maklumat *intra-agency* dan *inter-regional* dalam usaha mewujudkan *a common and real-time operation picture*. Mesyuarat juga memfokuskan kepada keseluruhan fungsi Coast Guard dirantau Asia, Penguatkuasaan Undang-undang Maritim, Mencari dan Menyelamat, *Disaster Relieve*, *Environmental Protection*, *Response to Natural Disaster* dan *Capacity Building*. Seramai 69 orang peserta dari 16 buah negara dan wilayah di Asia telah mengambil bahagian dalam mesyuarat ini. Semua delegasi negara diketuai oleh Ketua Agensi atau Timbalan Ketua Agensi berkenaan dan delegasi negara Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Mesyuarat selama empat hari ini bermula pada 1 hingga 4 Oktober 2012 di New Delhi, India.

Persidangan Perth Counter-Piracy

Persidangan ini diadakan di Parmelia Hilton, Perth, Australia pada 15 hingga 17 Julai 2012 ini bertajuk '*Operation Military Coordination*'. Fokus utama adalah bagi membincangkan usahasama di antara pihak awam dan tentera dalam menangani masalah pelanunan di laut. Satu dialog yang bertajuk '*Global Counter Piracy Dialogue*' juga turut diadakan. Ketua Penguat Kuasa Wilayah Maritim Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim M. Karumunaniti a/l Munusamy, mewakili agensi ini.

Mesyuarat ASEAN Maritime Transport Working Group (AMTWG)

Mesyuarat kali ke 23 ini diadakan pada 19 hingga 21 Mac 2012 di Yangon, Myanmar. Mesyuarat yang diwakili oleh Pengarah Cawangan Dasar Maritim dan Perhubungan Antarabangsa Maritim Malaysia ini membincangkan mengenai isu-isu berkaitan industri perkapalan, pelabuhan, ekonomi, keselamatan maritim dan kerjasama serantau antara negara-negara ASEAN. Pelan pelaksanaan terhadap pengangkutan maritim yang bersepadu dan berdaya saing dalam negara ASEAN turut dibincangkan.

Seminar Mencari dan Menyelamat ASEAN

Seminar antarabangsa yang diadakan pada 16 Oktober 2012 melibatkan negara ASEAN, China, Republik Korea Selatan dan Jepun di Kuala Lumpur memberi kefahaman kepada para peserta tentang sistem SAR kebangsaan semua negara terlibat dalam meningkatkan keberkesanan operasi SAR, kerjasama dan koordinasi selain bertukar maklumat, pendapat dalam kepakaran dan pengalaman.

Mesyyuarat Badan Koordinasi Keamanan Laut Indonesia (BAKORKAMLA)

Mesyyuarat ini telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 30 Oktober di Genting Highlands, Pahang Darul Makmur dan 13 Disember 2012 di Jakarta, Indonesia. Mesyyuarat jalinan dua hala ini merangkumi penilaian kajian lanjut bagi menangani permasalahan pelanggaran batas wilayah laut oleh anggota keselamatan/ personel keamanan kedua-dua negara dan tatacara lintas batas untuk tugas Mencari dan Menyelamat dalam Protap SAR MALINDO agar misi Mencari dan Menyelamat dapat dilaksanakan dengan pantas, lancar dan teratur.

Selain itu juga antara mesyyuarat/ persidangan/ seminar lain yang turut dihadiri wakil agensi ini ialah:

BIL	PERKARA	NEGARA	TARIKH
1.	Majlis Menandatangani MOU Malaysia-Indonesia <i>"Common Guidelines Concerning Treatment of Fishermen by Maritime LAW Enforcement Agencies of Malaysia and Republic of Indonesia"</i>	Indonesia	26-28 Januari 2012
2.	<i>Pacific Maritime 2012 Congress & Exposition</i>	Australia	29-31 Januari 2012
3.	Persidangan <i>"Sea Power 2012"</i>	Australia	1-2 Februari 2012
4.	Mesyyuarat Malaysia-Australia mengenai Isu Keganasan	Australia	10-14 April 2012
5.	Mesyyuarat IMO Maritime Safety Committee (MSC)	United Kingdom	14-20 Mei 2012
6.	Mesyyuarat <i>8th Heads of Asian Coast Guard Agencies</i>	India	1-4 Oktober 2012
7.	<i>Training for the Project Capacity Building for Maritime Safety & Security in Training & Education for STAR Team</i>	Jepun	9-18 Nov 2012
8.	Mesyyuarat <i>38th Council For Security Cooperation In The Asia Pacific (CSCAP) Steering Committee.</i>	Singapura	2-3 Disember 2012
9.	Sidang ke-39 General Border Committee Malaysia – Indonesia (GBC MALINDO)	Indonesia	18-21 Disember 2012



Mesyyuarat Teknis Staf Ke 4/2012 APMM Bersama BAKORKAMLA Republik Indonesia

LAWATAN KERJA RASMI KE LUAR NEGARA

Jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan luar negara juga lebih meluas dan erat melalui perancangan teliti dan program lawatan rasmi delegasi yang diketuai Ketua Pengarah ke luar agensi *Coast Guard* luar negara seperti di **Jadual 1** yang bertujuan memperkukuhkan jalinan kerjasama antara agensi dan negara. Ia juga bagi memperamati struktur organisasi dan kebolehan agensi-agensi ini dalam operasi penguatkuasaan.

BIL	AGENSI YANG DILAWATI	NEGARA	TARIKH
1.	Coast Guard Jepun	Jepun	24-30 Mac 2012
2.	Tentera Laut Diraja Kanada & Coast Guard Kanada	Kanada	22-28 Julai 2012
3.	Tentera Laut Diraja Denmark	Denmark	17-22 September 2012

JADUAL 1 : Lawatan Rasmi ke Luar Negara

LAWATAN/KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI LUAR NEGARA

Terdapat beberapa siri lawatan dan kunjungan hormat dari pelbagai delegasi luar negara ke ibu pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Putrajaya. Lawatan adalah seperti di **Jadual 2**.

BIL	AGENSI	TARIKH
1.	Tentera Diraja Thailand	19.01.12
2.	Kedutaan Besar India	08.02.12
3.	<i>Royal Canadian Mounted Police</i>	14.02.12
4.	<i>Border Integrity for Canada</i>	14.02.12
5.	<i>Singapore Police Coast Guard (SPCG)</i>	01.03.12 24.05.12
6.	<i>2nd Naval Area Command, Songkla, Thailand</i>	06.03.12
7.	<i>Australian Customs and Border Protection Service (ACBPS)</i>	07.03.12 12.06.12
8.	<i>Japan Coast Guard (JCG)</i>	14.03.12
9.	<i>Japan International Cooperation Agency (JICA)</i>	14.03.12
10.	Kedutaan Jepun	19.03.12
11.	<i>Coast Guard Filipina</i>	12.04.12
12.	Kolej Pertahanan Filipina	12.04.12
13.	Tentera Laut Pakistan	17.04.12
14.	Kementerian Pertahanan Perancis	17.04.12
15.	<i>International Security Strategy, United Kingdom</i>	18.04.12
16.	<i>US Embassy Office of Defence Cooperation</i>	26.05.12
17.	Tentera Laut Diraja Denmark	31.05.12
18.	Kementerian Pertahanan & Keselamatan Antarabangsa, <i>Republic of Maldives</i>	06.06.12
19.	<i>Saudi Command and Staff College, Kingdom of Saudi Arabia</i>	12.06.12

20.	<i>Coast Guard Amerika Syarikat (USCG)</i>	26.06.12
21.	<i>Australian Defence and Staff College</i>	12.07.02
22.	Badan Koordinasi Keamanan Laut Indonesia (BAKORKAMLA)	13.07.12
23.	<i>Korea Coast Guard</i>	19.09.12
24.	<i>Maldives National Defense Force</i>	01.10.12
25.	Kedutaan Denmark	08.11.12
26.	<i>China State Administration, Science & Technology Industries, National Defense</i>	28.11.12

JADUAL 2 : Lawatan/Kunjungan Hormat



PROGRAM KOMUNITI MARITIM

Program-program khusus telah dilaksanakan di perkampungan-perkampungan nelayan menerusi pelaksanaan program jiwa murni dan khidmat masyarakat. Program komuniti maritim ini memberi kesedaran kepada komuniti maritim tentang pentingnya kewujudan Maritim Malaysia di persekitaran mereka bagi memelihara kesejahteraan mereka di laut.

Sebanyak 16 program kemasyarakatan/jiwa murni telah dilaksanakan, termasuk dua daripadanya merupakan program mega. Antara program yang sering menjadi aktiviti utama adalah program melibatkan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan, membaik pulih bangunan lama seperti sekolah, surau, jeti nelayan yang uzur bagi kegunaan masyarakat setempat. Pada masa yang sama sejumlah 33 aktiviti berupa program *Maritime Community Policing* (MCP) turut sama diadakan bertujuan untuk mendekatkan komuniti maritim melalui komunikasi dua hala agar kehadiran Maritim Malaysia dapat diterima dengan baik di kalangan mereka.



Antara program yang dilaksanakan melibatkan sesi dialog, program penerangan Carilamat (SAR), taklimat/ceramah keselamatan di laut, majlis-majlis perjumpaan dan suai kenal serta pameran kerjaya. Dengan adanya program seumpama ini dapat memberi penerangan dan penjelasan secara terus kepada golongan sasaran berkaitan masalah/isu yang berbangkit dan langkah-langkah penyelesaian. Antara program komuniti dan kemasyarakatan yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 3** dan sesi dialog bersama komuniti maritim adalah seperti di **Jadual 4**.

BIL	WILAYAH	PROGRAM
1	WILAYAH UTARA	1
2	WILAYAH SELATAN	3
3	WILAYAH TIMUR	3
4	WILAYAH SARAWAK	1
5	WILAYAH SABAH & LABUAN	8
6	IBU PEJABAT-CAWANGAN PERISIKAN	-
JUMLAH		16

JADUAL 3 : Statistik Program Kemasyarakatan Jiwa Murni

BIL	WILAYAH	DIALOG
1	WILUTA	1
2	WILSEL	3
3	WILTIM	2
4	WILSAR	2
5	WILSAB	5
6	IBU PEJABAT	1
JUMLAH		14

JADUAL 4 : Statistik Sesi Dialog APMM Bersama Komuniti Maritim

EKSESAIS BERSAMA

Eksesais APMM - USCG 1/2012

Eksesais dilaksanakan pada 14 hingga 20 Jun 2012 di Daerah Maritim 3, Lumut, Perak dan Perairan Pulau Pangkor. Sepanjang ekseseis, para pegawai dan anggota APMM didedahkan dengan ceramah penguatkuasaan meliputi tugas mencari dan menyelamatkan, menggeledah, melawan kebakaran dan mengawal banjiriran, navigasi, ilmu kelautan, operasi pendaratan helikopter di atas kapal semasa pelayaran serta diberi tunjuk ajar berkenaan prosedur dan teknik-teknik bagi melaksanakan tangkapan.

Eksesais ini memberi impak yang sangat positif dan berpeluang berinteraksi dengan pegawai dan anggota *Coast Guard* Amerika Syarikat secara langsung dan merupakan satu proses percambahan ilmu. Sikap kesungguhan, ketangkasan dan komitmen yang ditunjukkan di sepanjang ekseseis merupakan contoh yang berguna kepada pegawai dan Penguatkuasa Maritim khususnya.



OPERASI BERSEPADU

Operasi PATKOR OPTIMA – Operasi melibatkan agensi dan jabatan kerajaan dari Malaysia dan Indonesia. Malaysia diwakili oleh Maritim Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Marin, Unit Udara Polis, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM), Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal



Ehwal Pengguna dan Koperasi) sementara di pihak Indonesia diwakili oleh TNI Angkatan Laut, Departemen Perhubungan, Departemen Keuangan, Departemen Kelautan, dan Departemen Perikanan. Latihan dilaksanakan di persempanan perairan Malaysia dengan tujuan utama mengekal keamanan dan keselamatan kapal-kapal di Perairan Selat Melaka. Aktiviti utama adalah melaksanakan pencegahan pelanunan, penyeludupan senjata api, dadah, barang-barang kawalan dan Pendatang Asing Tanpa Izin.

Terdapat dua operasi PATKOR OPTIMA diadakan iaitu PATKOR OPTIMA 21A pada Mei 2012 dan PATKOR OPTIMA 21B/2012 pada Oktober 2012 yang mana majlis pembukaannya berlangsung di Pulau Pinang dan majlis penutupnya di Medan, Indonesia. Dua seminar Perundangan PATKOR turut diadakan bagi memberi peluang kepada semua agensi yang terlibat untuk menambahbaik lagi pengetahuan masing-masing dalam perundangan maritim. Pensyarah dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut Malaysia dijemput memberi taklimat.

Pengarah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim Malaysia (PPPM) sebagai Ketua Tim Perancang Operasi Maritim (TPOM) Malaysia menghadiri dua mesyuarat *Coordinated Operation Control Committee* (COCC) MALINDO dan satu Mesyuarat TPOM MALINDO.

PPPM agensi ini merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim (JBOM) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Ketua TPOM MALINDO. Dalam usaha memastikan perairan negara aman dan terkawal dan jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan dalam negara terjalin erat, antara mesyuarat yang dilaksanakan ialah:

1. Mesyuarat JBOM melibatkan isu keselamatan dan penguatkuasaan perairan Malaysia.
2. Mesyuarat Kumpulan Penyelaras Bertindak Maritim (KPBM) melibatkan isu keselamatan dan penguatkuasaan di perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan.
3. Mesyuarat 'O' Group melibatkan isu keselamatan dan penguatkuasaan di perairan Sabah dan Sarawak.

Selain itu, Pusat Latihan dan Akademi Maritim Malaysia (PLAMM) di Pahang Darul Makmur juga memainkan peranan dalam menjalinkan kerjasama dengan agensi/jabatan kerajaan dengan Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Pahang, INTAN dan kerajaan negeri Pahang yang mana telah menyediakan kemudahan dan fasiliti latihan iaitu penggunaan kolam renang, menara bagi latihan *absailing*, tempat penginapan ketika berlangsungnya SUKMA dan SUKMA Paralimpiad di Pahang pada tahun 2012.



HALA TUJU



HALA TUJU

Selari dengan visi dan misi Maritim Malaysia, hala tuju 2013 akan memberi fokus kepada mewujudkan keamanan dan kesejahteraan di perairan negara yang disokong oleh inisiatif strategik dalam meningkatkan keupayaan agensi dalam aspek pengukuhan organisasi, penguatkuasaan dan carilamat. Di samping itu, hala tuju ini juga berlandaskan pengiktirafan kerajaan kepada Maritim Malaysia sebagai sebuah agensi penguatkuasaan maritim tunggal di negara ini. Pengukuhan keamanan dan kesejahteraan di ZMM yang berterusan dijangka akan meningkatkan keyakinan dan keselesaan para pelanggan untuk menjalankan perniagaan antarabangsa dan domestik.

ZON MARITIM YANG AMAN DAN TERKAWAL. Keamanan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia yang terkawal akan dipertingkatkan menerusi kaedah penguatkuasaan yang berkesan di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Sungguhpun kejadian jenayah pelanunan dan penculikan serta gangguan vesel tempatan di laut setakat ini berada pada kedudukan sifar dan kejadian gangguan vesel tempatan berada pada tahap terkawal, namun situasi itu tidak dijadikan kayu pengukur dalam meneruskan usaha meningkatkan sistem penguatkuasaan komprehensif.

PENGURANGAN KEHILANGAN NYAWA DAN HARTA BENDA DI LAUT. Inisiatif mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda bagi tahun 2013 akan menumpukan kepada tindakan dinamik yang disokong oleh penyatuan sistem bantuan carilamat yang berkesan dan pengukuhan tindakan koordinasi oleh MRCC dan MRSC. Pengaktifan talian MERS 999 yang sedang dibangunkan di agensi ini dijangka akan menghasilkan perkhidmatan yang lebih cepat sampai ke lokasi-lokasi bantuan, justeru ianya dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan.





SEBUAH ANGKATAN YANG SEIMBANG DAN BERKESAN. Pengisian perjawatan, perolehan aset, infrastruktur dan sistem akan terus diberi tumpuan sesuai dengan unjuran dan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI ZON MARITIM MALAYSIA YANG BERKESAN. Penguatkuasaan dan pemeriksaan ke atas vesel-vesel pelanggan menerusi pemantauan vesel, pesawat udara, radar dan perisikan Maritim Malaysia akan ditingkatkan bagi memastikan para pelanggan mematuhi peruntukan undang-undang negara. Di samping itu, proses dan kualiti siasatan akan terus diperkukuhkan bagi menghasilkan prestasi pendakwaan yang sentiasa berkesan.

PERKHIDMATAN CARILAMAT MARITIM DAN BANTUAN BENCANA YANG BERKESAN. Piagam pelanggan telah menetapkan vesel perlu berada di lokasi dalam masa 2 jam selepas maklumat diterima. Berdasarkan kepada inisiatif-inisiatif yang telah dirancang, Maritim Malaysia dijangka boleh mencapai sasaran melebihi 92 peratus bagi tahun 2013.

PENGURUSAN LOGISTIK YANG BERKESAN. Sasaran yang telah ditetapkan bagi kesiagaan kapal adalah 50% dan 80% bagi bot sedia dioperasikan pada sebarang masa. Sasaran ini turut mengambil kira faktor had siling kontrak senggaraan dan pengambilalihan bot-bot polis marin *tidak reliable*, yang dijangka akan mempengaruhi keupayaan mencapai sasaran ini. Bagi kesiagaan pesawat udara pula, sasaran yang ditetapkan adalah 75% dengan mengambil kira pesawat yang berada di dalam senggaraan berjadual dan pesawat yang akan tamat kontrak senggaraannya.

PENGURUSAN ORGANISASI YANG BERKESAN. Pada tahun 2013, inisiatif pengurusan organisasi diperkukuhkan berlandaskan kriteria-kriteria penarafan Indeks Akauntabiliti, ezSNAP dan Indeks Penarafan Bintang (STAR RATING). Kesemua kriteria akan dinilai untuk mengukur keseluruhan prestasi pengurusan organisasi di samping mengenalpasti penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan juga diberikan kepada sasaran SWASLA untuk mencapai pensijilan ISMS (MS ISO/IEZ 27001:2007 daripada SIRIM, pemeriksaan kesiagaan APMM di setiap Wilayah dan Kajian Kepuasan Pelanggan.

PENERAJU PENGUATKUASAAN DAN CARILAMAT YANG DICONTOHI. Agensi telah menetapkan 2 kursus perlu mendapat pengiktirafan dari IMO, membangunkan kertas konsep AMSAS sebagai *centre of excellence* dan APMM sebagai pusat peneraju carilamat dan bantuan bencana serantau.

PENGURUSAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG TERAMPIL. Menyasarkan 95 peratus prestasi bagi kursus kerjaya iaitu kursus asas pelatih dan kursus KPSL. Penempatan para pegawai dan anggota-anggota penguatkuasa adalah mengikut profiling di mana konsep pengisian perjawatan mengikut prinsip "*right man for the right job*". Sistem *profiling* diwujudkan untuk tujuan penempatan pegawai penguatkuasa dengan komponen seperti latar belakang peribadi dan perkhidmatan pegawai, kursus dalam dan luar negara yang pernah dihadiri dan sebagainya. Selain itu, melaksanakan 19 kursus yang berteraskan kompetensi mengikut Pelan Operasi Latihan.

PENGHAYATAN BUDAYA MARITIM MALAYSIA. Menerbitkan buku Budaya Maritim Malaysia untuk penghayatan dan pengamalan budaya maritim di kalangan warga APMM, serta melaksanakan kaji selidik audit nilai untuk mengukur persepsi warga APMM terhadap organisasi.

PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFEKTIF DAN EFISIEN. Memantau secara berterusan prestasi peratus perbelanjaan dan Tanggungan Belum Selesai dalam tempoh 14 hari. Menyasarkan 85% pencapaian keakuratan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) terhadap pengauditan penampilan ezSNAP dan menyasarkan 245 buah kapal dan bot APMM didaftarkan di dalam sistem SPA.





IMBASAN 2012



**IMBASAN
2012**

JANUARI



5 JANUARI

Majlis Pemakaian Pangkat Kepten Maritim Adon bin Haji Shalan ke Laksamana Pertama Maritim di Auditorium Ibu pejabat, Putrajaya

9 JANUARI

Perhimpunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran JPM, Putrajaya



9 JANUARI

Majlis Pelancaran Program *Eyes And Ears at Sea (EYES)* oleh APMM bersama Persatuan Perkhidmatan Bunkering, Johor Bahru

16 JANUARI

Mesyuarat Bersama Pengurusan Tertinggi Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama APMM



19 JANUARI

Kunjungan Hormat Major
General Borvornrat
Kajonnatiyudh Chief Of
Malaysia Coordination
Element, Neighbouring
Country Coordination
Centre, Royal Thai Army



FEBRUARI

IMBASAN 2012



10 FEBRUARI

Majlis Penyerahan
Sijil Akreditasi Pusat
Latihan APMM oleh
Ketua Pengarah
Jabatan Laut di
Gebeng Kuantan

16 FEBRUARI

Majlis sambutan Hari
Ulang Tahun (HUT)
Ke-7 di Pusat Latihan
Gebeng, Kuantan




23 FEBRUARI

Mesyuarat & Sesi
Dialog Suruhanjaya
Integriti Agensi
Penguatkuasaan dan
APMM

IMBASAN 2012

MAC



1 MAC

Kunjungan Hormat
Ac Hsu Sin Yun,
*Commander
Singapore Police
Coast Guard* ke atas
Ketua Pengarah

5 MAC

Perhimpunan
Bulanan & Majlis
Serah Terima Projek
Sistem Pengawasan
Maritim di
Auditorium, Ibu
Pejabat Putrajaya



7 MAC

Kunjungan Hormat
Miss Suzanne Duffy,
Pengarah Serantau
*Australian Custom &
Border Protection* ke atas
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

14 MAC

Majlis Perasmian
SWASLA, Sabah
di Wisma WB
Kelombong, Kota
Kinbalu, Sabah





21 MAC

Kunjungan Hormat
Unit Laporan Khas
Utusan Malaysia
ke atas Timbalan
Ketua Pengarah
(Pengurusan)

28 MAC

Lawatan Pengurusan
Teringgi Maritim
Malaysia ke *THE
STAR*, Damansara



APRIL

IMBASAN
2012



23-25 APRIL

Mesyuarat Taklimat
Penstrukturan semula
Pengurusan Tertinggi
Bersama Pengarah -
Pengarah Cawangan
di Cameron
Highlands

IMBASAN 2012

MEI



8 MEI

Majlis
Penyampaian
Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang 2011
di PICC, Putrajaya

12 MEI

Majlis Tamat
Latihan Pegawai
Lain-Lain
Pangkat Maritim
Malaysia di
Pusat latihan,
Gebeng,
Kuantan.



13 MEI

Latihan dan
Pertandingan
Menembak
Anjuran Wilayah
Maritim Sarawak
(WILSAR) di Pusat
latihan APMM,
Gebeng, Kuantan.

22 MEI

Lawatan
Pengurusan
Tertinggi Maritim
Malaysia ke NSTP
Group Media
Prima, Bangsar





23 MEI

Pameran
Kerjaya Maritim
Malaysia
Sempena
Festival
Himpunan
Jutaan Belia,
Putrajaya

28 MEI

Majlis Penyampaian
Anugerah *Quality
Summit*, New
York 2012 kepada
*Malaysian Maritime
Enforcement Agency*
di New York



JUN

IMBASAN
2012



6 JUN

Kunjungan
Hormat Menteri
Pertahanan
Republik
Maldives ke atas
Ketua Pengarah

12 JUN

Lawatan *Saudi
Command & Staff
College* ke Ibu Pejabat
Maritim Malaysia





13 JUN

Perbincangan dan
Lawatan Kerja
Rasmi Pengurusan
Tertinggi *Australian
Customs & Border
Protection Service*

14 JUN

Lawatan Kerja
Rasmi Pengurusan
Tertinggi *Australian
Customs & Border
Protection Service*
ke Stesen Udara
Maritim Malaysia
Subang.



22 JUN

Program Jiwa
Murni Wilayah
Maritim Sarawak
Bersama Komuniti
Nelayan Muara
Tebas, Sarawak

24 JUN

Pertandingan
Dragon Boat
Anjuran Jabatan
Perdana Menteri
(JPM) di Kompleks
Maritim, Presint 6,
Putrajaya





◀ **27 JUN**

Lawatan Kerja
Rasmi Agensi
Amerika ke Pusat
Fasiliti Maritim
Malaysia

JULAI

**IMBASAN
2012**

8 JULAI

Hari Bersama
Media Sempena
Pertandingan
Bowling di ARL
Alamanda,
Putrajaya.



◀ **12 JULAI**

Majlis Perjumpaan
Khas Bersama YAB
Timbalan Perdana
Menteri Bersama
Warga APMM
di Dewan A2
Pusat Konvensyen
Antarabangsa,
Putrajaya

13 JULAI

Majlis
Penyampaian
Anugerah ISO
9001 AJA EQS
Certification di
Bankers Club,
Kuala Lumpur





19 JULAI
Lawatan Kerja
Laksamana
Muda Maritim
Dato' Khalid
bin Lenggang
ke Stesen Udara
Subang

20 JULAI ▶
Majlis
Pembungkusan
dan Penyerahan
Sumbangan
Hari Raya Bakti
Kepada Pasukan
Keselamatan
Negara di Rumah
Bakti Siti Hasmah



23 JULAI
Rakaman Majlis
Berbuka Puasa di
KM Jujur, Daerah
Maritim 10 Tok
Bali, Kelantan.

30 JULAI ▶
Majlis
Pembungkusan
Kuih Raya
Cawangan Kecil
PUSPANITA
APMM



OGOS

IMBASAN
2012



23 OGOS

Majlis Sambutan
Hari Raya Aidilfitri
2012 Bersama
Warga Maritim
Malaysia di Ibu
Pejabat, Putrajaya

31 OGOS

Sambutan Hari
Kemerdekaan
Ke 57 Tahun
Di Dataran
Merdeka, Kuala
Lumpur



SEPTEMBER

IMBASAN
2012



5 & 6

SEPTEMBER

Demonstrasi *Search
and Rescue (SAR)*
Cawangan Operasi
Udara di Selat Kuah,
Pulau Langkawi

**IMBASAN
2012**

OKTOBER



5 OKTOBER

Pendaftaran
Anggota Baru
LK II Maritim di
Pusat Latihan
APMM, Gebeng,
Kuantan

27 OKTOBER

Lawatan Kerja
Rasmi Pengurusan
Tertinggi ke Media
Prima, Sri Pentas,
Damansara, Kuala
Lumpur.



**IMBASAN
2012**

NOVEMBER



7 NOVEMBER

Mesyuarat Ketua-
Ketua Jabatan Di
Bawah Timbalan
Ketua Setiausaha
Kanan & Ketua
Setiausaha, JPM,
Bilangan 3 Tahun
2012 di Ibu pejabat
Maritim Malaysia



9 NOVEMBER

Persidangan
Bahagian
Pengurusan
Maritim Malaysia
di Hotel Puteri
Resort, Melaka

18 & 21 NOVEMBER

Mesyuarat Operasi
APMM ke-18 Siri
2/2012 di Hotel
Renaissance,
Melaka



22 NOVEMBER

Majlis Pemakaian
Pangkat Laksamana
Muda Maritim Ahmad
Puzi bin AB kahar ke
Laksamana Madya
Maritim

27 NOVEMBER

Hari Bersama
Media Sempena
Pertandingan
Menembak Maritim
Malaysia di Mantin
Negeri Sembilan





28 NOVEMBER

Lawatan Kerja Rasmi
Delegasi *Special
Advisor to Prime
Minister of Canada
on People Smuggling
& Illegal Migran*, Mr
Ward Elcock

IMBASAN 2012

DISEMBER

8 DISEMBER

Majlis Malam
Penghargaan
Media 2012
di Putrajaya
International
Convention Centre
(PICC), Putrajaya



12 & 13 DISEMBER

Persidangan 2nd
Forum Gulf Of
Thailand Law &
Enforcement di Hotel
Shangri-La Kuala
Lumpur

18 DISEMBER ►

Hari Inovasi Jabatan
Perdana Menteri
2012



► 19 DISEMBER

Kursus Pembangunan
Modal Insan APMM
(Menelusuri Sirah
Nabawiyah)

20 DISEMBER ►

Mesyuarat
Koordinasi Program
Perhubungan Awam
Pengurusan Isu &
Aduan Jabatan &
Agensi Di Bawah
JPM Bil 3 2012



SIJIL PENGHARGAAN



SIJIL PENGHARGAAN



SIJIL MSO-ISO



SIJIL QUALITY SUMMIT



SIJIL STAR RATING



UCAPAN PENGHARGAAN



British High Commission
Kuala Lumpur

185 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telephone: (603) 2170 2244

Facsimile: (603) 2170 2215

E-mail: boyd.mccleary@fco.gov.uk

Website: www.britain.org.my

*From the High Commissioner
W B McCleary CVO*

26 June 2008

Admiral Dato' Mohd Amdan bin Kurish
Director General
Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA)
Level 10,
One IOI Square
101 Resort
62505 Putrajaya

Dear Dato'

SEARCH AND RECOVERY OF MISSING BRITISH DIVER - MR PURVIS

I am writing to thank you and your team for the tremendous support offered in the search and later the recovery of the British diver Mr Purvis, who went missing whilst diving near the site of HMS Repulse on 28 May 2008.

The competent and professional manner in which the search was carried out and the efficient way Captain Kamarulzaman kept us informed of progress is a credit to both the officer concerned and the Agency.

The family of the deceased has requested I pass onto you and all personnel involved in the search and recovery their sincere appreciation and thanks.

Yours sincerely,



Boyd McCleary

UCAPAN PENGHARGAAN



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA
<http://www.hasil.gov.my>

DATO' DR. MOHD SHUKOR BIN EL MAHFAR, DPM, D.S.M., B.C.M.
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(Chief Executive Officer/ Director General of Inland Revenue)

Rujukan Kami: LHDNM.01/10/149/5 kit

Tarikh: 3 April 2012

Laksamana Pertama (M) Adon bin Hj. Shahlan
Ketua Penguatkuasa Wilayah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Wilayah Maritim Selatan
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 16, Menara Tabung Haji
Jalan Air Molek
80720 Johor Bahru
Johor

Tuan,

UCAPAN PENGHARGAAN ATAS BANTUAN 'SEARCH AND RESCUE'

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menghubungi Maritim Wilayah Selatan pada 31 Mac 2011 bagi mendapatkan bantuan 'Search and Rescue' bot yang membawa pegawai-pegawai LHDNM yang tidak dapat dikesan selepas berlepas untuk aktiviti memancing dari Jeti Tanjung Balan, Desaru.

3. Kecelakaan pegawai-pegawai tuan dalam melaksanakan operasi tersebut akhirnya telah membawa kepada penemuan bot yang tidak dapat dikesan tersebut dalam masa yang singkat dan dalam keadaan selamat seterusnya berjaya dibawa pulang tanpa mengalami sebarang kecederaan.

4. Sehubungan itu bagi pihak LHDNM, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas kerjasama dan bantuan yang telah pihak tuan berikan. Sesungguhnya, bantuan dan kerjasama pihak tuan dalam melaksanakan misi tersebut amatlah kami hargai. Semoga usaha-usaha mulia yang dilaksanakan oleh Maritim Malaysia ini dapat diteruskan lagi demi untuk menjaga keselamatan warga negara tercinta ini.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

[DATO' DR. MOHD SHUKOR BIN EL MAHFAR]
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Menara Hasil Air, 18, Persiaran Ronda Percont, Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor
Telefon: 03-83137801 / 03-83137802 / 03-83137803
Faksimili: 03-83137804 / 03-83137805
E-mel: info@hasil.gov.my / usahatukar@hasil.gov.my

SURAT PENGHARGAAN



*Konsul Jenderal
Republik Indonesia
Kuching*

54

Nomor : 018 /Kch/Sekrt/IV/12

Kepada YBhg.
Laksamana Pertama Maritim Ismaili Bin Bujang Pit
Ketua Penguatkuasa Wilayah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Wilayah Maritim Sarawak,
Jabatan Perdana Menteri, Lot 11-19, Plaza Sia,
Stutong Indah Business Avenue, Jalan Setia Raja,
93050 Kuching, Sarawak.

Perihal : Ucapan Terima Kasih

Merujuk perihal di atas, melalui surat ini perkenankanlah saya menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya dan mengucapkan terima kasih atas kesempatan, sambutan hangat dan penerimaan untuk kunjungan hormat saya kepada YBhg. Laksamana Pertama Maritim Ismaili Bin Bujang Pit selaku Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah Sarawak pada hari Jumat, 20 April 2012 lalu.

Selanjutnya saya memohon dukungan, seraya berharap semoga hubungan yang telah terjalin antara Konsulat Jenderal Republik Indonesia dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Wilayah Sarawak dapat lebih dipererat dan ditingkatkan dalam upaya memperkuat hubungan Bilateral kedua negara antara Indonesia dan Malaysia, khususnya dengan Negeri Sarawak.

Demikian saya sampaikan, atas perkenan dan perhatiannya, saya ucapkan terima kasih.



118



Hormat saya,

Djoko Harjanto
Djoko Harjanto





Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4-11, One IOI Square,
IOI Resort,
62502 PUTRAJAYA.

www.mmea.gov.my | Hotline : 03-8943 4001 |
www.facebook.com/maritim.malaysia

